

Negeri Sembilan mahu tumpukan usaha salur bekalan air mentah ke rumah pam

Tanggung jadual tanam padi

SEREMBAN - Pesawah di negeri ini diminta untuk menangguhkan jadual penanaman padi sehingga tiba musim hujan berikutan fenomena cuaca panas melampau dan kering sekarang, kata Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan.



MOHAMAD
HASAN

Beliau berkata, penanaman semula padi yang dijadualkan pada Mac dan April perlu ditangguhkan ekoran bekalan air yang banyak diperlukan untuk menyalurkan bekalan air mentah ke rumah pam milik Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (Sains).

"Kita telah bekerjasama dengan

Jabatan Pertanian untuk nasihatkan pesawah (supaya) menunda tarikh penanaman padi sehingga musim hujan.

"Untuk penuhkan air (di sawah), kita perlu pam air dari sungai untuk dimasukkan ke dalam sistem saliran Jabatan Pengairan dan Saliran

sedangkan (dalam masa sama) kita memerlukan air mentah untuk lima rumah pam di sepanjang Sungai Muar dari Jempol hingga ke Gemas," katanya selepas memengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini semalam.

-Mohamad berkata, meskipun terdapat empangan yang kini be-

rada pada paras kritikal antaranya Empangan Gemencheh di Tampin, ia belum sampai ke tahap untuk ca-tuan air dilaksanakan.

"Empangan yang berada pada paras kritikal ketika ini ialah Empangan Gemencheh manakala empangan lain tidak berada pada paras kritikal namun kita pantau sebab berlaku penurunan paras air.

"Bagi Empangan Gemencheh, kita telah dapat sumber alternatif bekalan air mentah daripada loji air Sawah Raja dan bagi Empangan Talang, kita rancang untuk lepaskan air pada minggu ini untuk meningkatkan paras air di Sungai Muar," katanya. - Bernama



PARAS takungan air di Empangan Sungai Terip, Seremban semalam turut menunjukkan kadar penurunan yang ketara.